

Headline	Keperluan makmal ujian perabot		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	20	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	199 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,933
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,799



Keperluan makmal ujian perabot

REKAAN yang menarik, bahan yang tahan lasak serta selesa untuk digunakan mungkin antara kriteria yang dipilih oleh pengguna dalam membeli perabot.

Namun, sejauh masa sesuatu rekaan perabot itu benar-benar dapat memenuhi ciri-ciri seperti yang dinyatakan tanpa ada sebarang ujian dilakukan.

Anda mengatakan sesuatu bahan atau rekaan perabot bertahan lama mungkin kerana pernah memakainya atau daripada pengalaman mereka yang terdahulu membeli produk tersebut.

Bagaimana pula jika ia merupakan rekaan perabot baharu yang ingin diperkenalkan sama ada dalam mahupun luar negara?

Di sini relevannya sebuah makmal khas bagi menguji ciri-ciri perabot yang dapat memenuhi kehendak dan permintaan pengguna dan ia telah direalisasikan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Menurut pengarah bahagian keluaran hutan institut tersebut, Dr. Rahim Sudin, ujian terhadap perabot amat penting bagi memastikan kualitinya terjamin.

Jelasnya, penggunaan bahan dan reka bentuk sesuatu perabot itu hanya akan dipercayai berkualiti adalah menerusi ujian yang dilakukan oleh pihak yang sememang pakar dan itu

merupakan tugas FRIM.

“Cabaran utama di dalam industri perabot adalah bahan mentah dan juga tenaga kerja.

“Justeru, untuk mengatasi kenaikan kos berkaitan dua perkara tersebut, pihak industri perlu meninggikan nilai tambah bagi meningkatkan daya saing disamping.

“Bagaimanapun, pihak industri tidak boleh meninggalkan ciri-ciri keselamatan dan ketahanannya bagi memenuhi

kehendak pelanggan,” ujarnya ketika membentangkan kertas kerja *Keperluan Ujian Perabot untuk Memenuhi*

Kepuasan Pelanggan, baru-baru ini.

Jelas beliau, prinsip ujian perabot adalah bagi menentukan sama ada perabot yang dihasilkan mampu memenuhi keperluan teknikal dan keselamatan mengikut standard ISO, EN, MS dan sebagainya.

“Keperluan ujian berbeza mengikut kategori penggunaan perabot seperti perabot sekolah, domestik, pejabat, almari, katil dan sebagainya,” katanya.

“Secara umumnya, standard ujian mengklasifikasikan ujian.

Antara ujian yang ditekankan terhadap produk perabot adalah ujian kestabilan yang mempunyai pengaruh terhadap perabot seperti meja, kerusi atau kabinet dapat menampung beban yang diletakkan

pada tepi struktur tanpa menyebabkan perabot terbalik atau terjungkit.

Seterusnya ujian ketahanan untuk menilai ketahanan komponen atau penyambungan perabot di bawah operasi atau pergerakan yang berulang-ulang sepanjang penggunaannya.

Menerusi ujian yang dilakukan pereka atau pengeluar dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan produk seterusnya membantu menambah baik reka bentuk produk.

Ia juga adalah untuk memastikan kualiti produk yang konsisten sekali gus memberi jaminan serta meningkatkan kepercayaan pengguna.

Selain itu, ia juga dapat memastikan produk dapat memenuhi standard seperti yang dinyatakan oleh pengeluar.



DR. RAHIM SUDIN